



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### CRADLE MENGENALPASTI 5 PERMASALAHAN BERKAIT RAPAT ISU RAKYAT DAN Mencari Penyelesaian Digital Menerusi MYHackathon 2022

---

**KUALA LUMPUR, 27 Julai 2022** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan misi mencari penyelesaian dan inisiatif berinovasi yang dapat memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia menerusi pelancaran program **MYHackathon 2022**.

MYHackathon 2022 adalah kesinambungan acara MYHackathon 2020 yang diperkenalkan oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) iaitu agensi di bawah MOSTI dan merupakan salah satu inisiatif program MYStartup. Ia merupakan platform yang diwujudkan untuk para *techpreneurs*, inovator, jurutera perisian dan juga rakyat Malaysia bagi menghasilkan idea penyelesaian yang berinovasi serta berteknologi untuk membantu menambah baik perkhidmatan awam.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, MYHackathon edisi 2022 akan memberi tumpuan kepada pencarian penyelesaian kepada proses pemulihan ekonomi negara.

“MYHackathon 2022 adalah platform terbaik yang menyediakan peluang bagi syarikat-syarikat *start-up*, perusahaan tempatan, mahupun individu untuk menawarkan penyelesaian berteknologi dalam menambah baik kualiti penyampaian Kerajaan, seterusnya mengetengahkan idea dan inovasi masing-masing untuk dikomersialkan,” katanya.

Tambah beliau, “Program MYHackathon 2022 ini juga secara tidak langsung berkait rapat dengan krisis sekuriti makanan yang mendapat perhatian khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong agar krisis ini ditangani segera. Usaha menangani isu krisis sekuriti makanan ini menjadi lebih bermakna jika rakyat turut berganding bahu dan sepakat untuk mengetengahkan penyelesaian berlandaskan teknologi.”

Peranan yang dimainkan oleh teknologi dan inovasi serta barisan *start-up* yang kreatif dilihat mampu memberi penyelesaian yang bernas kepada isu sekuriti makanan tersebut.

Dengan tema '**Hackathon Nasional Untuk Malaysia Yang Inklusif**', program yang bermula pada bulan Julai 2022 ini terdiri daripada dua (2) kohort di mana setiap fasa bakal mempunyai, secara minimum, lima (5) pernyataan masalah.

Bagi kohort pertama, terdapat lima (5) pernyataan masalah telah dikemukakan oleh pihak kementerian dan agensi-agensi kerajaan iaitu:

PERNYATAAN MASALAH		KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN
1.	Solusi untuk menyelesaikan masalah penyalahgunaan subsidi minyak masak rakyat.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
2.	Solusi digital memantau pengeluaran dan pemasaran hasil tani bagi tujuan ramalan tawaran dan permintaan hasil pertanian.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
3.	Solusi untuk aktiviti penuaian kelapa sawit yang lebih efektif.	Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP)
4.	Solusi penggunaan robot untuk aktiviti <i>early reconnaissance Search and Rescue</i> (SAR) untuk Jabatan Bomba.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
5.	Solusi pengawalan pencerobohan dron bagi tujuan penyeludupan atau tinjauan tidak sah ke kawasan akses terhad untuk Jabatan Penjara.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Kohort pertama program MYHackathon 2022 telah berjaya menarik hampir 300 penyertaan daripada segenap lapisan masyarakat dari seluruh negara termasuklah individu, inovator tempatan, graduan universiti dan syarikat *start-up*.

Para peserta akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi terpilih bagi mengetengahkan penyelesaian atau solusi bagi pernyataan masalah merangkumi pelbagai keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak Kerajaan.

Cradle mensasarkan sebanyak 600 penyertaan melalui dua (2) kohort di mana pemenang bakal menerima geran permulaan bernilai sehingga RM250,000.00 dan bimbingan secara *one-to-one* untuk melaksanakan pembangunan projek rintis bagi tempoh 12 bulan.

Pihak MOSTI turut memperkenalkan satu kategori khas iaitu 'Anugerah Khas Menteri MOSTI' di mana pemenang akan dipilih oleh panel yang terdiri daripada pengurusan kanan Cradle dan pengurusan tertinggi MOSTI sebelum diangkat untuk penilaian akhir.

Pihak Cradle menjemput Keluarga Malaysia secara amnya untuk turut serta dalam program MYHackathon 2022 ini. Untuk maklumat lanjut mengenai ekosistem *start-up* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan juga maklumat berkaitan, boleh layari [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

**# TAMAT #**

**Disediakan oleh:  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
27 JULAI 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes  
Pegawai Penerangan  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
03-88858299  
[emily@mosti.gov.my](mailto:emily@mosti.gov.my)

Ali Baizuri Razali  
PR & Media  
Cradle Fund Sdn. Bhd.  
011-63295400  
[ali.baizuri@cradle.com.my](mailto:ali.baizuri@cradle.com.my)